

24 JUN 2003

DR MAHATHIR: TIADA PILIHAN RAYA KECIL UNTUK BANDAR KUCHING

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pilihan raya kecil tidak akan diadakan bagi kawasan Parlimen Bandar Kuching walaupun wakil rakyatnya Datuk Song Swee Guan dari Barisan Nasional (BN) meletak jawatan berkuatkuasa Khamis lepas (19 Jun).

Perdana Menteri berkata memandangkan tarikh peletakan jawatan Song adalah dalam tempoh kurang dua tahun sebelum mandat dewan ini tamat iaitu pada November 2004, maka tidak perlu diadakan pilihan raya kecil.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini, apabila ditanya mengenai kekosongan kerusi bandar Kuching berikutan tindakan Song meletakkan jawatannya sebagai anggota Parlimen.

Timbalan Speaker Dewan Rakyat Datuk Haji Mohamad Abdullah hari ini mengumumkan peletakkan jawatan oleh Song yang mewakili Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), satu daripada komponen BN Sarawak.

Artikel 36 (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan menyatakan sesuatu kekosongan luar jangka, seperti kematian anggota dewan, tidak perlu diisi jika kekosongan itu berlaku dalam tempoh dua tahun terakhir mandat sesuatu dewan melainkan diberitahu sebaliknya oleh Speaker.

Song, yang dipilih sebagai anggota Parlimen Bandar Kuching sejak tahun 1995, telah diisytiharkan muflis oleh Mahkamah Tinggi Kuching pada 9 Mei lepas setelah gagal menyelesaikan hutang lebih RM300,000 kepada tiga pihak iaitu RHB Bank (RM14,012.80), Tiong Soon Kok (RM150,000) dan Sim Ah Bah (RM180,186.39).

-- BERNAMA

HK HK PR